



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JANUARI 2026



## ISRAK DAN MIKRAJ

16 JANUARI 2026M / 26 REJAB 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**



Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu mukjizat agung Nabi Muhammad ﷺ yang berlaku pada suatu malam yang penuh keberkatan. Peristiwa ini menjadi bukti nyata tentang kebenaran kenabian Rasulullah ﷺ dan kekuasaan Allah Taala yang mengatasi batas logik manusia. Allah Taala berfirman dalam Surah al-Isra' ayat yang pertama:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي

بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنْ عَآيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

**Yang bermaksud:** “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Makkah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Majoriti ulama termasuklah Imam al-Tabari, Imam al-Qurtubi, Imam Ibnu Kathir, Imam al-Suyuti, Syeikh Tahir bin ‘Asyur dan lain-lain berpendapat bahawa, Israk dan Mikraj berlaku



dengan jasad dan roh Baginda Rasulullah ﷺ dalam keadaan nyata dan bukannya hanya roh sahaja atau dalam keadaan bermimpi. Inilah pendapat yang paling rajih dalam kalangan Ahlussunnah wal Jamaah. Ia menjadi dalil kenabian dan kerasulan Baginda ﷺ.

Peristiwa ini berlaku pada tanggal 27 Rejab tahun ke-10 kenabian. Rasulullah ﷺ baru sahaja kehilangan dua orang pendokong kuat yang amat Baginda ﷺ kasihi iaitu bapa saudaranya Abu Talib dan isterinya Khadijah رضي الله عنها. Tahun berkenaan dikenali sebagai Tahun Kesedihan.

Dalam peristiwa Israk, Rasulullah ﷺ diperjalankan dari Masjid al-Haram di Makkah ke Masjid al-Aqsa di Palestin dengan menaiki Buraq. Masjid al-Aqsa dipilih sebagai destinasi bagi menegaskan bahawa tanah suci itu mempunyai ikatan akidah dengan umat Islam sejak dahulu lagi. Kemudian dalam peristiwa Mikraj, Baginda ﷺ diangkat naik menembusi tujuh lapisan langit sehingga ke Sidratul Muntaha. Di sana, Baginda ﷺ menerima perintah solat daripada Allah Azza Wajalla.

Peristiwa Israk dan Mikraj menguji keimanan dan keyakinan umat Islam pada masa itu. Penentangan golongan kafir terhadap Baginda ﷺ sehingga ditertawakan dan diejek, malah ada juga yang



menuduh berdusta dan gila kerana menceritakan sesuatu yang tidak masuk akal. Namun, Saidina Abu Bakar رضي الله عنه sedikit pun tidak ragu kepada Rasulullah ﷺ, bahkan membenarkan sekiranya ada peristiwa yang lebih hebat lagi daripada peristiwa tersebut. Sejak itu, beliau diberi gelaran ‘As-Siddiq’ yang bermaksud ‘Yang Membenarkan’.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Imam al-Bukhari meriwayatkan dialog antara Rasulullah ﷺ dengan Nabi Musa عليه السلام setelah menerima perintah kewajipan solat sebanyak 50 waktu sehari. Nabi Musa عليه السلام berkata mafhumnya:

*“Sesungguhnya umat kamu (Wahai Muhammad) tidak akan mampu untuk melakukan 50 kali solat pada setiap hari. Aku telah cuba pada orang sebelum kamu dan aku telah cuba dengan sebaik mungkin pada Bani Israil. Kembalilah semula (memohon) kepada Allah dan mintalah keringanan daripada-Nya untuk umatmu.”*

Akhirnya Allah ﷻ memberikan keringanan dengan memerintahkan umat Islam melaksanakan kewajipan solat sebanyak 5 kali sehari sahaja. Peristiwa ini memberikan gambaran betapa kasihnya Baginda ﷺ kepada umat Islam.



Sebagai umat Islam, kita mestilah menghargai segala pengorbanan Baginda ﷺ dan berazam untuk melaksanakan perintah menunaikan kewajipan solat 5 waktu sehari dengan bersungguh-sungguh. Ia merupakan ibadah yang pertama sekali dihisab seperti sabda Baginda ﷺ dalam riwayat Imam Abu Daud dan Imam al-Tirmizi yang bermaksud:

*“Sesungguhnya amalan yang mula dihisab atas seseorang hamba pada hari kiamat ialah solatnya. Jika baik solatnya maka baiklah segala amalannya, dan jika rosak solatnya maka dia telah gagal dan rugi.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza Wajalla.**

Antara pengajaran besar daripada peristiwa Israk dan Mikraj juga ialah kepentingan Masjid al-Aqsa dan kota Baitul Maqdis di Palestin. Al-Aqsa merupakan masjid suci ketiga umat Islam selepas Masjidil Haram dan Masjid al-Nabawi dan merupakan kiblat pertama umat Islam. Maka mempertahankan dan membebaskan Baitul Maqdis adalah sebahagian daripada tanggungjawab keimanan kita bersama. Marilah kita bersama-sama berdoa, semoga Masjid al-Aqsa dan kota Baitul Maqdis dapat dibebaskan daripada tangan-tangan musuh yang zalim



## **Kaum Muslimin yang Berbahagia.**

Daripada khutbah Jumaat hari ini, dapatlah disimpulkan beberapa perkara iaitu:

1. Peristiwa Israk dan Mikraj adalah mukjizat luar biasa yang menunjukkan kekuasaan Allah ﷻ yang mengatasi batas logik manusia dan mengukuhkan kebenaran kenabian Nabi Muhammad ﷺ serta kedudukannya sebagai penghulu segala nabi.
2. Peristiwa ini memperlihatkan bahawa solat adalah ibadah paling agung, kerana ia disampaikan secara langsung tanpa perantaraan malaikat, di tempat yang mulia.
3. Pemilihan Masjid al-Aqsa sebagai destinasi Israk menegaskan bahawa tanah suci itu mempunyai hubungan akidah dengan umat Islam dan berkait dengan kepentingan memelihara, mempertahankan dan membebaskan kota suci Baitul Maqdis daripada kezaliman.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَۚ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.